

STPM Kertas 1 2015:

Soalan 2

Yang berikut ialah urus niaga tunai Syarikat Perkilangan Arjuna bagi sepanjang tahun 2014.

<i>Tarikh</i>	<i>Urus niaga</i>
1 Januari 2013	Memperoleh paten bernilai RM74,000. Paten ini dijangka boleh mendatangkan manfaat ekonomi kepada syarikat selama lapan tahun.
30 Januari 2013	Membayar polisi insurans untuk bangunan kilang bagi tempoh satu tahun bermula 1 Februari 2013 dengan bayaran tunai berjumlah RM16,000.
1 Mac 2013	Membeli sebidang tanah bernilai RM850,000. Amaun ini termasuk perbelanjaan yuran guaman, duti setem, dan caj pertukaran hak milik yang berjumlah RM26,000.
30 Jun 2013	Membeli mesin yang berharga RM620,000. Perbelanjaan tambahan yang berkaitan ialah cukai jualan RM31,000, pengangkutan RM2,000, pemasangan RM4,000, dan minyak pelincir untuk penggunaan setahun bernilai RM5,000. Mesin ini dijangka dapat digunakan secara ekonomik selama sepuluh tahun dengan nilai sisa RM30,000 pada akhir tempoh penggunaan. Sehingga 31 Disember 2013 hanya 60% minyak pelincir mesin telah digunakan.

Dikehendaki:

Bagi setiap urus niaga di atas,

- (a) Nyatakan kos perolehan setiap aset yang telah dikenal pasti.

(5 markah)

- (b) Sediakan catatan jurnal bagi merekod setiap perolehan aset tersebut.

(5 markah)

- (c) Sediakan catatan jurnal pelarasan yang berkaitan untuk setiap aset bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Andaikan syarikat menggunakan kaedah susut nilai garis lurus bagi mesin dan mengenakan susut nilai satu tahun penuh pada tahun perolehan serta tidak mengenakan susut nilai pada tahun aset dilupuskan.

(6 markah)

- (d) Nyatakan bagaimana setiap aset didedahkan dalam penyata pendapatan komprehensif (penyata pendapatan) dan penyata kedudukan kewangan (kunci kira-kira).

(4 markah)